

Kerajaan tidak pernah tutup mulut pengarang

U.M. - 6 SEP 1972

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Kerajaan tidak pernah 'menutup mulut' pengarang-pengarang akhbar supaya jangan menulis perkara yang tidak baik mengenai kerajaan, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, katanya, wartawan seperti juga rakyat yang lain tidak terkecuali daripada tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan mereka mestilah mematuhi undang-undang ini

Perdana Menteri berkata: "Menegenai tuduhan yang mengatakan kerajaan menutup mulut para pengarang akhbar, saya ingin jelaskan bahawa kerajaan memberi KDN (permit penerbitan) kepada banyak badan dan pihak di manaada setengah-setengahnya secara terang menentang kerajaan.

"Mereka bukan sahaja menentang kerajaan malah tidak pernah menulis satu berita yang baik mengenai kerajaan tetapi hakikatnya ialah kita tidak pernah menghalang mereka daripada berbuat demikian sehingga

kadang-kadang laporan mereka amat berat sebelah (bias) dan tidak tepat."

Bercakap kepada para pemberita dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini Dr. Mahathir memberitahu, beliau membangkitkan soal itu kerana sejak akhir-akhir ini ada tuduhan yang mengatakan kerajaan sengaja menutup mulut akhbar-akhbar dari melaporkan berita yang tidak baik mengenai kerajaan.

Jelas beliau, soal sesuatu akhbar itu hendak menyokong kerajaan bergantung kepada polisi pemilik akhbar itu sendiri.

Di negara demokratik, seperti Britain, kata Perdana Menteri, ada akhbar yang menyokong parti Konservatif dan ada yang menyokong parti Buruh.

Katanya, sama ada parti Konservatif atau Buruh yang menang, akhbar tersebut masih bebas menunjukkan sokongan mereka terhadap parti yang mereka rasasuai dengan citarasa dan polisi mereka.

Di Malaysia pula, katanya, apa yang berlaku ialah, ada pengarang yang sengaja menghalang akhbarnya daripada menulis sesuatu yang baik mengenai kerajaan.

"Ini juga mesti kita pandang sebagai satu ciri salah guna kuasa...janganlah hendak melihat salahguna kuasa berlaku dalam kerajaan sahaja tetapi pemilik akhbar juga ada yang salahgunakan kuasa mereka," tegas beliau.

Sokong

Bagaimanapun menurut Dr. Mahathir, akhbar-akhbar di Malaysia sepertimana di Britain ada yang menyokong dasar kerajaan.

Ini adalah polisi akhbar itu semata-mata dan tidak kena mengena dengan soal kerajaan hendak menutup mulut pengarang supaya jangan menulis sesuatu yang buruk mengenai kerajaan.

"Jadi ini memang amalan dalam sesebuah negara demokrasi dan di Malaysia di mana kita amalkan demokrasi, kita benarkan pendapat yang menentang kerajaan

disuarakan melalui akhbar-akhbar," katanya.

Dr. Mahathir juga telah ditanya mengenai komen Pengarang Kumpulan The New Straits Times (NST) dalam ruangan minggunya bahawa wartawannya akan disoal siasat oleh polis berhubung isu pendedahan mengenai pembclian kereta-kereta Volvo untuk kegunaan jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarang itu juga telah menimbulkan kembali pertemunn pengarang akhbar-akhbar nasional dengan Perdana Menteri pada tahun 1986 (apabila akta itu hendak dipinda) untuk menyatakan rasa bimbang mereka mengenai OSA di manaada ketua pengarang yang meminta jika hukuman penjara hendak diwajibkan di dalam pindaan itu, yang patut di-hukum oleh kerajaan ialah para pengarang dan bukan para wartawan kerana pada akhirnya pengaranglah yang bertanggungjawab menyiarkan sesuatu berita itu.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menjawab bahawa

beliau tidak faham apakah pengarang NST membuat kenyataan begitu.

Kata Perdana Menteri, setakat yang beliau tahu, tidak ada ura-ura yang mengatakan polis akan menyualsiasat atau menangkap wartawan berkenaan.

Tambah beliau, sudah tentulah, kerajaan tidak hendak mempertahankan sesuatu yang tidak benar tetapi pada hakikatnya ialah jika seseorang sengaja membeli maklumat atau memegang satu rahsia kerajaan, mahu tidak mahu kerajaan terpaksa mengambil tindakan berasaskan undang-undang.

Beliau mengingatkan para wartawan bahawa mereka juga tidak terkecuali daripada OSA.

Apa yang dilakukan oleh polis, katanya, hanyalah sebahagian daripada tugas rasmi mereka.

"Kita tidak boleh kata wartawan harus terkecuali kerana jika tidak akan ada orang yang mengambil kesempatan ini dengan memeralatkan wartawan untuk mendapatkan rahsia-rahsia kerajaan," tegas beliau.